

Anwar bawa konsep Madani ke pentas dunia

PETALING JAYA: Buat julung kalinya, Datuk Seri Anwar Ibrahim membawa konsep Malaysia Madani kepada dunia di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) Ke-78.

Perdana Menteri berkata, konsep itu diusulkan oleh beliau supaya ia boleh digunakan dalam mendepani dilema 'defisit demokrasi' yang sedang melanda dunia.

Kata beliau, antaranya melibatkan isu konflik Russia-Ukraine dan beliau menyeru

usaha bersepadu pelbagai hala diketuai PBB untuk menyelesaikan konflik ini.

"Awal tahun ini, saya memperkenalkan Malaysia Madani, visi yang dibina di atas tonggak nilai teras yang kita percayai adalah amat diperlukan dalam mana-mana masyarakat yang harmoni. Asas prinsip dan nilai moral ini juga terpakai dalam konteks hubungan kita dengan negara lain.

"Sama ada G7, G20, G77, APEC, atau FTA terbesar dunia, tidak dapat dinafikan bahawa pelbagai kerjasama adalah sine

qua non (wajib) untuk mana-mana penyelesaian kepada krisis sedang melanda dunia," katanya dalam Kenyataan Negara di New York, Amerika Syarikat (AS), semalam.

Dalam hal ini, katanya, Malaysia memberi komitmen kepada PBB berdasarkan prinsip semua negara ada tanggungjawab bersama ke arah mewujudkan dunia yang lebih baik.

"Malaysia percaya kita boleh mencapainya melalui kepercayaan yang lebih besar dan diperkukuh menerusi multilateralisme. PBB mampu menja-

di bahtera untuk bawa kita dari rasa putus asa ke masa depan yang lebih cerah, dari ketidakpastian kepada keyakinan, dan daripada kelemahan kepada daya tahan," katanya.

Pada masa sama, konsep Madani juga diperkenalkan atas kebimbangan kemunculan bentuk perkauman baharu atau rasisme baharu menerusi xenofobia, pemprofilan negatif dan stereotaip umat Islam serta menyifatkan perbuatan membakar al-Quran adalah tindakan Islamofobia yang jelas bertujuan mencetuskan kebencian.